



**IMPIANA NURSERY CENTRE,
BLOCK D, HOSPITAL DAERAH
SUNGAI PETANI, 08000
SUNGAI PETANI,
KEDAH DARUL AMAN.**

DISEDIAKAN UNTUK:

**TUAN HAJI MOHD. ZAKI B. AYOB
PENSYARAH ETR 300
UiTM KEDAH**

DISEDIAKAN OLEH:

IRDAWATI BT. TUKIMIN	97301368
AZLIN BT. AHMAD	97354419
CHE SU BT. YAAKUB	97301270
NORFASHADIRAH BT. DESA	97301528
MAZURA BT. ISMAIL	97301409

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 05
UiTM KAMPUS KEDAH**

25 MAC 2000



PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah
Peti Surat 187
08400 Merbok
Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300
Fax: 04-457 4355

Surat Kami 500-KDH(MEDC. 15/2/1)
Tarikh

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

- | | | |
|----|-------------------------------|-----------------|
| 1. | <u>AZLIN BT AHMAD</u> | <u>97354419</u> |
| 2. | <u>CHE SU BT YAAKUB</u> | <u>97301270</u> |
| 3. | <u>NORFASHABIRAH BT. OJSA</u> | <u>97301528</u> |
| 4. | <u>NAZURA BT ISMAIL</u> | <u>97201409</u> |
| 5. | <u>IRDAWATI BT. TURIMAN</u> | <u>97301368</u> |

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

MOHD. AZHAR OSMAN
Koordinator
b/p. Provos



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. Surat Pengesahan	
2. Surat Penyerahan	i – ii
3. Surat Perjanjian	iii – viii
4. Penghargaan	viii – xi
5. Muqaddimah	1 – 2
6. Sinopsis	3 – 4
7. Pengenalan	5
8. Tujuan	6
9. Logo	7 – 8
10. Latar Belakang Syarikat	9
11. Latar Belakang Pemilik	10 – 15
12. Lokasi Nurseri	16
13. Rancangan Pentadbiran	17 – 40
14. Rancangan Pemasaran	41 – 74
15. Rancangan Operasi	75 – 91
16. Rancangan Kewangan	92 – 108
17. Rumusan	109
18. Lampiran	



Kewujudan Impiana Nursery Centre adalah hasil gabungan lima orang ahli yang telah sepakat dan bersetuju untuk melibatkan diri dalam perniagaan jenis perkhidmatan ini. Dalam perkongsian ini, setiap ahli kongsi telah menyumbangkan modal berjumlah RM 20,000 setiap seorang dan juga di tambah dengan sumber kewangan yang di pinjam dari institusi kewangan, iaitu Bank Islam Malaysia Bhd. sebagai modal permulaan perniagaan ini. Setelah dikaji, Impiana Nursery Centre akan mula beroperasi pada tanggal 1 Januari 2004.

Dengan sepakatnya, lokasi yang dipilih bagi perniagaan ini ialah di dalam kawasan Hospital Daerah Sungai Petani, Kedah. Ini kerana tempat tersebut didapati strategik dan sememangnya menjanjikan suatu pulangan yang dapat menjadikan impian dan hasrat Impiana Nursery Centre menjadi satu kenyataan terutamanya dari segi keuntungan. Kami begitu yakin kerana hospital ini menjanjikan sasaran pasaran yang tinggi. Ini kerana, mempunyai anggaran bilangan pekerja seramai 400 orang yang secara puratanya sebanyak 70% sudah berkeluarga. Hal ini menjadikan mereka sebagai sasaran pelanggan yang paling utama di samping kakitangan syarikat-syarikat yang berhampiran dengan lokasi perniagaan ini.

Dalam melaksanakan Rancangan Perniagaan ini kami meramalkan keuntungan yang bakal diperolehi mampu menampung kos permulaan perniagaan dan seterusnya dapat menjadi azimat untuk kami meneruskan perniagaan ini terutamanya dalam menempuh cabaran pesaing-pesaing. Di samping itu, kami sedaya upaya berusaha untuk meminimumkan perbelanjaan supaya untung bersih akan meningkat dari tahun ke tahun.

Walaupun ianya adalah ramalan semata-mata, namun dengan berbekalkan segala pengetahuan yang ada, kami akan berusaha untuk menjadikan ianya satu kenyataan.

Pada masa sekarang ini, dapat dilihat bahawa pusat asuhan dan bimbingan kanak-kanak menjadi tumpuan utama bagi para ibu yang bekerja untuk menghantar anak-anak mereka. Kaum ibu sekarang kebanyakannya telah meletakkan kepercayaan yang lebih berbanding pada masa dahulu kerana penjagaan kanak-kanak oleh pusat asuhan ini dilakukan dengan begitu baik.

Jadi, memandangkan permintaan terhadap nurseri kanak-kanak ini semakin meningkat, kami telah menubuhkan perniagaan perkongsian yang diberi nama Impiana Nursery Centre yang bertempat di Hospital Daerah Sungai petani, Kedah. Ini adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan kakitangan-kakitangan hospital tersebut.

Dengan ini, dengan wujudnya Impiana Nursery Centre diharapkan dapat membantu kakitangan-kakitangan yang menghadapi masalah dalam menghantar anak-anak mereka untuk mendapat penjagaan kerana perniagaan ini dibuka paling berhampiran dengan tempat kerja mereka.